

24/05/1999

Bayaran lesen juruterbang dinaikkan

KUALA LUMPUR, Ahad - Bayaran lesen juruterbang membabitkan penerbangan komersil, persendirian dan pelatih, akan dinaikkan apabila Lembaga Penerbangan Malaysia (MAA) ditubuhkan awal tahun depan.

Kenaikan itu juga merangkumi bayaran lesen jurutera penerbangan, pengawal trafik udara, lesen perkhidmatan udara untuk syarikat penerbangan dan lesen lapangan terbang yang kini dianggap terlalu rendah.

Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam (DCA), Kok Soo Chon, berkata MAA yang akan menggantikan DCA, menjadi badan bebas dan terpaksa mencari sumber kewangannya sendiri.

Beliau berkata, MAA menjalankan tugas seperti DCA kecuali lebih bebas dan bertindak sebagai badan penguasa terhadap entiti yang diswastakan seperti Malaysia Airports Berhad (MAB).

"Penswastaan beberapa bahagian DCA sekarang seperti trafik udara dan kolej penerbangan awam akan menyebabkan jabatan itu kehilangan sumber kewangan dan terpaksa mencari pembiayaan sendiri.

"Kita terpaksa mencari sumber kewangan lain dan sudah tentunya kadar bayaran lesen sekarang terpaksa dinaikkan," katanya kepada Berita Harian di sini.

Sebelum ini, bekas Ketua Pengarah DCA Datuk Zaini Omar, berkata jabatan itu sedang mengkaji kemungkinan menaikkan bayaran lesen terbabit.

Difahamkan, lesen juruterbang dan jurutera penerbangan ketika ini hanya RM60 hingga RM100 setahun, pengawal trafik udara (RM60), lesen perkhidmatan udara (RM100,000) dan lesen lapangan sebanyak terbang (RM100,000).

Kok berkata, penswastaan perkhidmatan trafik udara DCA diluluskan oleh Dewan Rakyat dua minggu lalu dan dijangka berkuatkuasa mulai September ini.

"Sebaik saja proses perpindahan kakitangan disempurnakan, program pengubahan taraf DCA kepada MAA akan dilaksanakan segera, dan mungkin boleh diselesaikan menjelang awal tahun depan," katanya.

Mengenai bayaran lesen yang dikenakan sekarang, beliau menyifatkannya sebagai terlalu rendah dan perlu dinaikkan mengikut kadar yang dikenakan di negara lain.

"Kadar sedia ada bagi juruterbang sebenarnya ditetapkan pada 1975. Bayangkan juruterbang di negara ini membayar RM100 setahun untuk lesen mereka, sedangkan gaji sebulan lebih RM25,000," katanya.

Selain caj lesen, Kok berkata MAA akan turut mengenakan bayaran bagi sijil penarafan pesawat, alat ganti dan peralatan penerbangan lain.

Difahamkan, MAA akan memiliki lembaga pengarahnya sendiri, terdiri daripada tujuh hingga sembilan anggota dengan diketuai seorang ketua eksekutif yang juga ketua pengarah mengikut amalan antarabangsa.

Penubuhan MAA dicadangkan dalam Kertas Dasar Pembangunan Industri Aeroangkasa Malaysia yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di Pameran Udara dan Maritim Antarabangsa Langkawi (Lima 97).

(END)